

11
SOALAN NO: 5

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: YB DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD
FAKEH

SOALAN:

Dato' Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bilangan pekerja migran yang terlibat dengan kemalangan di tempat kerja dan adakah Kerajaan bercadang untuk menyerapkan pekerja migran dalam Skim Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO) bagi memastikan pekerja migran mendapat layanan yang adil dan sama rata dengan pekerja warganegara ini.

PR-1352-T00577

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan rekod Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia sehingga 31 Mac 2017, kemalangan yang melibatkan pekerja asing adalah sebanyak 1,078 kes. Daripada jumlah tersebut sebanyak 142 kes kemalangan melibatkan maut, 727 kes kemalangan melibatkan Hilang Upaya Sementara (HUS) dan 209 kes melibatkan kes kemalangan Hilang Upaya Kekal (HUK).
2. Selain itu, cadangan untuk memperluaskan perlindungan skim Keselamatan Sosial Pekerjaan (PERKESO) kepada pekerja asing di negara ini perlu mengambil kira pelbagai faktor dan kesesuaian cadangan tersebut. Perbincangan dengan pihak berkepentingan (*stakeholders*) juga perlu diadakan terlebih dahulu.
3. Walau bagaimanapun, Kementerian Sumber Manusia sentiasa prihatin dan memandang serius terhadap kebajikan pekerja asing terutama melibatkan aspek perlindungan keselamatan dan kesihatan. Oleh yang demikian, Kementerian Sumber Manusia juga sedang meneliti cadangan penambahbaikan perlindungan Skim Pampasan Pekerja Asing (SPPA) di bawah Akta Pampasan Pekerja 1952 supaya pekerja asing layak menerima pampasan yang lebih munasabah ke atas setiap kecederaan atau kecelakaan yang menimpa mereka.